

**STANDARD PERIA(*Momordica charantia*)**

(Pegawai Kajian: Muhamad Saiful Bahrin Baharudin & Aris Yem)

**1. SKOP**

Standard ini adalah untuk peria (*Momordica charantia*) merangkumi peria katak daripada famili Cucurbitacea yang dipasarkan segar kepada pengguna tetapi tidak termasuk untuk kegunaan industri.

**2. RUJUKAN NORMATIF**

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang dinyatakan akan digunakan. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunakan.

*MS 1187, Method of sampling for fresh vegetables*

*MS 1784, Crop Commodities – Good Agricultural Practice (GAP)*

*MS 1784, Part 7, Good Agricultural Practice (GAP) – Part 7: Fruits and Vegetables*

Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

### 3. DEFINISI

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

#### 3.1. **Kematangan peria** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

3.1.1. **Indeks 1:** Kulit berwarna hijau muda. Lurah-lurah di permukaan kulit ketara kelihatan. Ruang biji mengandungi gabus dan biji berwarna putih kekuningan. Belum matang.

3.1.2. **Indeks 2:** Kulit berwarna hijau muda dan berkilat. Lurah-lurah di permukaan kulit mulai berkurangan. Ruang biji mengandungi gabus dan biji berwarna putih kekuningan dan sedikit kemerahan. Keadaan gabus mengecut. Matang.

3.1.3. **Indeks 3:** Kulit berwarna hijau muda kekuningan sehingga jingga keseluruhan. Ruang biji mengandungi gabus yang mengecut. Biji berwarna putih kekuningan dan merah. Keadaan permukaan kulit agak lembut. Lebih matang.

#### 3.2. **Kematangan peria katak** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

3.2.1. **Indeks 1:** Kulit berwarna hijau pekat. Ruang biji mengandungi gabus dan biji berwarna putih kekuningan. Belum matang.

3.2.2. **Indeks 2:** Kulit berwarna hijau. Ruang biji mengandungi gabus dan biji berwarna putih kekuningan. Keadaan gabus mengecut. Matang.

3.2.3. **Indeks 3:** Kulit berwarna hijau kekuningan sehingga jingga kekuningan. Ruang biji mengandungi gabus yang mengecut. Biji berwarna putih kekuningan dan merah. Keadaan permukaan kulit agak lembut. Lebih matang.

3.3. **Kematangan seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks sahaja dalam satu pembungkusan.

3.4. **Segar** – Tegar dan padat.

3.5. **Bersih** – Bebas daripada kotoran seperti tanah dan benda asing.

3.6. **Kecacatan** – Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persemaahan seperti berikut:

3.5.1 **Cacat bentuk**- bentuk tidak normal seperti terlalu bengkok atau bentuk yang tidak sempurna bagi varietinya.

3.5.2 **Cacat rupa**- Tanda-tanda yang mencacatkan permukaan luaran seperti karat yang tidak menjelaskan bahagian isi. Kesan ini meliputi 10% daripada bahagian permukaan kulit.

3.7. **Rosak** – Sebarang kecederaan disebabkan oleh kesan mekanikal, fisiologikal atau perosak dan penyakit yang menjelaskan kualiti dan rupa keseluruhan.

3.7.1. Kecederaan mekanikal disebabkan rosak semasa pengendalian seperti luka dan pecah.

3.7.2. Kecederaan fisiologikal seperti merekah.

3.7.3. Kecederaan disebabkan oleh perosak dan penyakit seperti kesan gigitan serangga, lubang, busuk dan berair.

#### **4. KEPERLUAN AM**

- 4.1. Telah mencapai tahap kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.
- 4.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan.
- 4.3. Tangkai hendaklah melebihi 1cm.
- 4.4. Bagi peria, beza antara terpendek dan terpanjang hendaklah tidak melebihi 5cm dalam setiap lot.
- 4.5. Setiap pengeluaran mestilah mematuhi keperluan amalan pertanian baik berdasarkan MS 1784 dan MS 1784:Part 7 atau yang setara.
- 4.6. Sisa racun perosak dan mikrob hendaklah tidak melebihi paras maksimum residu yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 4.7. Hendaklah mematuhi Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

## 5. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

5.1. Peria dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi dan ciri-ciri gred seperti Jadual 1:

**Jadual 1: Pengelasan Gred**

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Kematangan Kecacatan Rosak  Maksimum 5% dari segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkusan.	≤ 3 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 3
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Kematangan Kecacatan Rosak  Maksimum 10% dari segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkusan.	≤ 5 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 5
<b>2</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah hampir bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Kematangan Kecacatan Rosak  Maksimum 15% dari segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkusan.	≤ 5 ≤ 15 ≤ 10 ≤ 15 ≤ 5

- 5.2. Bagi peria, saiz ditentukan oleh garis pusat dalam unit sentimeter (cm) seperti Jadual 2:

**Jadual 2: Pengelasan Saiz**

Saiz	Kod Saiz	Garis Pusat (cm)
Kecil	S	1
Sedang	M	2
Besar	L	3

- 5.3. Bagi peria katak, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) seperti Jadual 3:

**Jadual 3: Pengelasan Saiz**

Saiz	Kod Saiz	Panjang (cm)
Kecil	S	< 10
Sedang	M	10-15
Besar	L	>15

## 6. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 6.1. Pembungkusan

- 6.1.1. Peria daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 6.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 6.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah khas untuk makanan dan bebas daripada bahan kimia yang tidak dibenarkan.
- 6.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 6.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 6.2.1. Tarikh Dituai atau/ dan dibungkus:
- 6.2.2. Nama, alamat dan kod pengekspor dan pengimport
- 6.2.3. Nama, alamat, kod penanam atau nombor pendaftaran syarikat
- 6.2.4. Nama hasil tani
- 6.2.5. Negara pengeluar
- 6.2.6. Gred dan saiz
- 6.2.7. Berat bersih

## 7. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of sampling for fresh vegetables” atau kaedah statistik yang dipersetujui.


## 8. RUJUKAN

*MS 1146: 1989 , Specification for fresh bitter gourd*


**LAMPIRAN A**  
**INDEKS KEMATANGAN PERIA**

**A1. KEMATANGAN PERIA**

**Indeks 1**



**Indeks 2**



**Indeks 3**



A2. KEMATANGAN PERIA KATAK

Indeks 1



Indek 2



Indeks 3



**LAMPIRAN B**  
**CACAT DAN ROSAK**

**B1. CACAT**

**Cacat bentuk**





Terlalu bengkok



Bentuk tidak sempurna

Cacat rupa



Kesan karat

B2. ROSAK

Kecederaan mekanikal




Pecah





Luka kulit

Kecederaan fisiologikal



Merekah

Kecederaan disebabkan oleh perosak dan penyakit



Kesan korekan perosak/lubang



Serangan lalat buah/lubang



Busuk dan berair